



PELAKSANAAN PENGECEUALIAN CUKAI BAGI SUMBANGAN WAKAF TUNAI DI BAWAH AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967

[IMPLEMENTATION OF TAX EXEMPTION FOR CASH WAQF UNDER THE INCOME TAX ACT 1967]

MOHD RIDZUAN MOHAMAD^{1*} & AHMAD AZRIN ADNAN²

1 Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM), Jalan Sultan Mohamad, 20519, Kuala Terengganu, Terengganu, MALAYSIA. E-Mail: duan_shi@yahoo.com

2 Fakulti Perniagaan Dan Pengurusan, Universiti Sultan Zainal Abidin, Kampus Gong Badak, 21300 Kuala Nerus, Terengganu, MALAYSIA. E-Mail: ahmazrin@unisza.edu.my

Corresponding Author E-Mail: duan_shi@yahoo.com

Received: 1 January 2026

Accepted: 22 January 2026

Published: 20 February 2026

Abstrak: Kestabilan sesebuah negara diukur melalui kedudukan ekonomi semasa sama ada berada dalam keadaan baik atau sebaliknya. Justeru, kedudukan percukaian penting dilihat dari sudut kesan terhadap makro ekonomi. Walaubagaimanapun, peranan pihak kerajaan perlu memandu secara halus kedudukan percukaian agar kesannya tidak berlaku perkara negatif terhadap kestabilan sosial atau masyarakat. Dalam konteks ini, terdapat beberapa perkara yang dikecualikan cukai sebagai langkah insentif oleh pihak kerajaan antaranya sumbangan wakaf tunai. Pihak Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) merupakan badan berautoriti dalam mengendalikan segala urusan wakaf termasuk pelaksanaan wakaf tunai. Justeru, pihak MAIN berhadapan cabaran dan permasalahan untuk memperoleh insentif pengecualian cukai bagi sumbangan wakaf tunai di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967, hal ini disebabkan terdapat beberapa perkara teknikal dalam perundangan tersebut yang dilihat perkara baharu untuk digabungkan antara instrumen wakaf dan cukai. Kajian kualitatif ini dijalankan menerusi teknik kajian perpustakaan (*library research*) dan juga kajian dilapangan dengan menemubual melalui kaedah ‘semi struktur’ bersama kakitangan MAIDAM yang berpengalaman dalam bidang industri wakaf. Data yang diperolehi dianalisis menerusi teknik analisis kandungan ‘*content analysis*’. Kajian ini mendapati, pengecualian cukai ke atas sumbangan wakaf dikira sebagai *tax reliefs* iaitu tolakkan ke atas pendapatan bercukai berbeza dengan sumbangan zakat yang dikira sebagai *tax rebate* iaitu tolakkan ke atas cukai yang dikenakan. Bagi pelaksanaan pengecualian cukai di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967 ini, ia merangkumi dari sudut aspek teknikal seperti kedudukan Peraturan Tabung Wakaf, No Fail Cukai Pendapatan TA/TF atau C, Resit Berkomputer dan sebagainya yang mana perkara teknikal tersebut perlu disesuaikan di peringkat MAIN. Rumusannya, hasil kajian ini menjadi aras panduan kepada pihak MAIN agar insentif yang ditawarkan oleh pihak kerajaan dapat direalisasikan dan seterusnya memberi impak positif kepada semua lapisan masyarakat dan juga syarikat korporat.

Kata Kunci: Cukai, Akta Cukai Pendapatan 1967, Majlis Agama Islam Negeri (MAIN), Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM) & Wakaf Tunai

Abstract: The stability of a country is measured by its current economic position, whether it is in good condition or not. Therefore, the tax position is important from the perspective of its impact on the macro economy. However, the role of the government needs to carefully guide the impact of taxation so that negative things do not happen to social stability or society. In this context, there are several things that are exempt from tax as an incentive measure by the government, including cash waqf contributions. The State Islamic Religious Council (MAIN) is the authoritative body in handling all waqf affairs including the implementation of cash waqf. Therefore, MAIN is facing challenges and problems in obtaining tax exemption incentives for cash waqf contributions under the Income Tax Act 1967 due to several technical matters in the legislation which are seen as new matters to be combined between waqf instruments and taxes. This qualitative study was conducted through library research techniques and also field research by interviewing MAIDAM staff who are experienced in the waqf industry using the 'semi-structured' method. The data obtained was analyzed using the 'content analysis' method. This study found that distribution waqf are considered tax reliefs, which are deductions on taxable income, unlike the position of zakat which is considered a tax rebate or tax exemptions. For the implementation of tax exemptions under the Income Tax Act 1967, it includes technical aspects such as the position of the Waqf Fund Regulations, Income Tax File No. TA/TF or C, Computerized Receipts and so on which need to be adapted for implementation at the MAIN level. The results of this study serve as a guide for MAIN so that the incentives offered by the government can be realized and subsequently have a positive impact on all levels of society and companies.

Keywords: Tax, Income Tax Act 1967, State Islamic Religion Council (MAIN), Terengganu Islamic Religion And Council Malay Custum (MAIDAM) and Cash Waqf.



This is an open-access article under the CC–BY 4.0 license

Cite This Article:

Mohd Ridzuan Mohamad & Ahmad Azrin Adnan. (2026). Pelaksanaan Pengecualian Cukai bagi Sumbangan Wakaf Tunai di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967 [Implementation of Tax Exemption for Cash Waqf Under the Income Tax Act 1967]. *UFUQ International Journal of Arts and Social Science Research*, 6(1), 47-59.

PENGENALAN

Cukai bermaksud suatu bentuk bayaran kepada pihak kerajaan yang dikenakan kepada perseorangan, perbadanan, syarikat, barangan dan lain-lain mengikut peruntukkan undang-undang yang dikuatkuasakan. Terdapat tiga bentuk percukaian yang dilaksanakan di negara ini, pertama cukai progresif di mana peningkatan kadar cukai berdasarkan pertambahan pendapatan individu (*income tax*). Kedua, cukai regresif iaitu penurunan kadar cukai berasaskan pertambahan pendapatan seperti 'Cukai Perkhidmatan dan Barangan' *Goods and Services Tax* (GST). Ketiga, cukai berkadar malar di mana peningkatan pendapatan selari dengan kadar cukai iaitu cukai korporat '*Corporate Tax*' (LHDN, 2024). Dari sudut perundangan, penstrukturan tadbir urus cukai telah diselaraskan mengikut bidang kuasa negeri dan persekutuan. Pentadbiran dan pengurusan cukai di peringkat Kerajaan Persekutuan adalah terdiri daripada cukai pendapatan individu & syarikat (Akta Cukai Pendapatan 1967), cukai Duti Setem (Akta Setem 1949), cukai keuntungan hartanah (Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1965), cukai

perkhidmatan (Akta Cukai Perkhidmatan 2018), cukai jualan (Akta Cukai Jualan 2018) manakala di peringkat kerajaan negeri pula terdiri daripada cukai tanah di bawah Kanun Tanah Negeri 1965 dan Peraturan Tanah Negeri-Negeri, cukai taksiran dan cukai kemajuan di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1971 & Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Mustafa et, 2023).

Percukaian adalah teras kepada kedudukan fiskal bagi sesebuah negara. Ia penting terhadap pendapatan dan implikasi perbelanjaan kerajaan selari dengan hala tuju kemakmuran dan kesejahteraan rakyat. Di Malaysia, pendapatan cukai menyumbang sekitar lebih 70% berbanding pendapatan yang lain, ini bermakna hasil percukaian merupakan pendapatan dominan di negara ini (Azemi et, 2019). Bagi tahun 2024, Hasil cukai langsung (kasar) yang terdiri Cukai Syarikat, Cukai Individu, Petroleum, Duti Setem, Cukai Pegangan, Cukai Keuntungan Hartanah CKHT, Koperasi, Labuan *International Offshore Centre* IOFC dan lain-lain yang terdiri bayaran mahkamah, faedah bank, hasil guaman, pendaftaran perniagaan di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967 meningkat lebih sebanyak 12.57% daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) selari dengan perkembangan, pertumbuhan dan kestabilan ekonomi pada masa kini (Laman web Kementerian Kewangan, 2024). Beberapa kajian menunjukkan, kefahaman pembayar cukai yang terdiri daripada individu dan entiti / syarikat merupakan faktor penting yang menyumbang kadar peningkatan bayaran cukai kepada negara (Damanjanti & Karim 2017), malah ia turut memberi kesan kepada pematuhan terhadap kedudukan undang-undang percukaian yang telah dikuatkuasakan (Bhalla, et 2022).

Di sebalik pelaksanaan cukai di negara ini, antara perkara penting yang dilihat adalah kedudukan wakaf tunai di mana fungsinya sejajar dengan kepentingan cukai iaitu manfaatnya menjurus kepada masyarakat dan negara. Dalam keadaan ini, kedudukan wakaf tunai telah diiktiraf sebagai sumbangan yang dikecualikan cukai kepada pembayar di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967 subseksyen 44 (11D) (Akta 53). Walaubagaimanapun, pelaksanaan ini tidak dilaksanakan secara menyeluruh di semua negeri kecuali beberapa buah negeri yang telah mendapat kebenaran oleh pihak LHDN melalui prosedur Majlis Agama Islam Negeri-Negeri (MAIN). Sebelum kajian ini dilihat secara mendalam, Perlembagaan Persekutuan di bawah 'Senarai Negeri' Jadual Kesembilan meletakkan bahawa MAIN sebagai pihak yang berautoriti yang menjalankan segala fungsi wakaf mengikut negeri masing-masing. Di peringkat MAIN, terdapat perundangan khusus berkait tadbir urus wakaf sebagaimana terkandung di bawah enakmen pentadbiran hal ehwal Islam dan enakmen wakaf negeri-negeri. Selari dengan perundangan wakaf yang ada, isu-isu hukum syarak berkait kedudukan wakaf adalah tertakluk pula di bawah keputusan fatwa negeri-negeri antaranya kedudukan dan pelaksanaan wakaf tunai (Ridzuan, 2024).

Bagi kedudukan wakaf tunai pula, ia mula dilaksanakan pada tahun 2007 sejajar dengan keputusan fatwa kebangsaan dan negeri-negeri di mana ia dibenarkan berwakaf dengan menggunakan wang (Ridzuan 2024). Perkara ini telah diputuskan melalui Jawatankuasa Fatwa Negeri Terengganu 31 Januari 2007, Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan bertarikh 10-12 April 2007, Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor bertarikh 17 Oktober 2017, Jawatankuasa Fatwa Negeri Kedah bertarikh 25 Februari 2009, Jemaah Ulama Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan bertarikh 9 Jun 2013, Mesyuarat Jawatankuasa Negeri Perlis Kali bertarikh 14-15 September 2022, Jawatankuasa Perundangan Hukum Syarak Wilayah Persekutuan bertarikh 4 Mac 2021 dan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Negeri Sembilan bertarikh 22 November 2017.

PERMASALAHAN

Pengecualian cukai bagi sumbangan wakaf (wang tunai) ke atas Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) tidak diberikan kelulusan secara langsung atau automatik kecuali pihak MAIN perlu membuat permohonan secara lengkap kepada pihak LHDN mengikut prosedur terkini iaitu *Garis Panduan Permohonan Untuk Kelulusan Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri di Bawah Subseksyen 44 (11D) Akta Cukai Pendapatan Bagi Wakaf (LHDN.01/35/42/51/179 (aa))*. Garis panduan ini mensyaratkan sebanyak 14 perkara yang perlu pihak MAIN mematuhi perkara tersebut antaranya mempunyai dokumen pertubuhan tabung, senarai Ahli Lembaga Pengarah, no cukai pendaftaran sama ada TF/TA/C, penggunaan resit rasmi, perbelanjaan tabung wakaf, pengurusan tabung wakaf, pengauditan tabung wakaf dan sebagainya. Dalam hal ini, pihak MAIN mengalami beberapa cabaran untuk melaksanakan piawaian yang ditetapkan kerana proses teknikal tersebut dilihat perkara baharu apabila diserap dengan instrumen wakaf. Sehingga kini, hanya terdapat 6 buah MAIN sahaja yang telah memperoleh kelulusan pengecualian cukai bagi sumbangan wakaf tunai di bawah subseksyen 44 (11 D) iaitu Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM), Perbadanan Wakaf Negeri Selangor (PWS), Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAWIP), Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAIS) dan Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK) (Abd Fattah, 2025). Justeru itu, hubungan wakaf tunai dengan kedudukan cukai adalah penting dilihat bagaimana bentuk pelaksanaan di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967 sehingga pengecualian ini dibenarkan mengikut perundangan tersebut.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian kualitatif ini dijalankan menerusi kajian perpustakaan (*library research*). Data dalam bentuk dokumen iaitu data sekunder adalah terdiri daripada artikel, jurnal, dokumen yang berkait tentang wakaf tunai, percukaian dan perlepasan cukai di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967. Bagi sumber data primer pula, ia diperolehi melalui kajian lapangan iaitu proses temubual secara 'semi-struktur' bersama kakitangan MAIDAM iaitu Abd Fattah Mamat. Sebagai pihak informan yang berpengalaman dalam mengendalikan pelaksanaan wakaf di MAIDAM, proses temubual tersebut menepati menerusi teknik 'Pensampelan Bertujuan' atau '*proposed sampling*'. Menurut Noraini Idris (2010), sampel kajian kualitatif adalah berbeza dengan sampel kajian kuantitatif di mana kajian kualitatif dipilih secara berfokus dan selari dengan tujuan tema yang dijalankan. Kaedah '*proposed sampling*' juga membolehkan informan menjawab soalan kajian tema dengan tepat (Othman Lebar, 2006). Seterusnya data-data yang diperolehi tersebut dianalisis melalui kaedah analisis kandungan '*content analysis*'.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Dapatan kajian ini menjelaskan beberapa perkara tentang kedudukan wakaf tunai terhadap pengecualian cukai di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967 iaitu dari aspek jenis pengecualian, perbezaan *tax exemption* dan *tax reliefs*, bentuk tabung wakaf yang diluluskan oleh pihak LHDN dan sebagainya.

Pengecualian Cukai

Pengecualian cukai di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967 adalah terdiri daripada 8 jenis dan setiap jenis tersebut mempunyai bentuk pelaksanaan yang berbeza. Ia terdiri pengecualian cukai di bawah subseksyen 44 (6), subseksyen 44 (6A), subseksyen 44 (8), subseksyen 44 (9), subseksyen 44 (10), subseksyen 44 (11) subseksyen 44 (11C) dan subseksyen 44 (11D).

Pengecualian di bawah subseksyen 44 (6) adalah terdiri daripada derma atau hadiah untuk disumbangkan kepada pihak kerajaan atau kerajaan tempatan. Resit yang dikeluarkan bagi sumbangan ini menggunakan resit rasmi 'Kew 38' [Pindaan 2/86]. Bagi sumbangan derma atau hadiah kepada bukan kerajaan atau kerajaan tempatan pula iaitu institusi, organisasi, badan yang ditubuhkan sebagai entiti 'Yayasan' maka kadar kelulusan pengecualian diberikan kepada para penyumbang adalah terhad kepada 10% daripada agregat pendapatan tahunan. Resit yang diguna pakai adalah berbeza sebagaimana sumbangan kepada pihak kerajaan. Ia digunapakai mengikut bentuk tersendiri dengan syarat mendapat kelulusan daripada pihak LHDN sama ada resit tersebut dalam bentuk manual, bercetak atau digital. Secara perundangan, yayasan salah sebuah entiti yang mendapat pengecualian cukai sama ada ditubuhkan di bawah Akta Syarikat 2016 atau Akta Pemegang Amanah Pemerbadanan 1952. Bagi entiti bukan pembayar cukai pula adalah terdiri daripada kelab, pertubuhan, persatuan dan sebagainya yang ditubuhkan di bawah Akta Pertubuhan 1973. Selain daripada itu, entiti berbentuk perniagaan perlu membayar cukai seperti Syarikat Sdn Bhd / Awam Bhd yang ditubuhkan di bawah Akta Syarikat 2016, Enterprise di bawah Akta Perniagaan 1956, Perkongsian Liabiliti Terhad PLT di bawah Akta PLT 2012, Koperasi di bawah Akta Koperasi 1993, Pertumbuhan Peladang di bawah Akta Pertubuhan 1973 dan Pertubuhan Nelayan di bawah Akta Pertubuhan Nelayan 1971) (LHDN, 2024).

Pengecualian cukai di bawah subseksyen 44 (6A) hingga 44 (11C), ia saling berkaitan pengecualian di bawah subseksyen 44 (6) iaitu sebuah badan atau entiti yang dibenarkan oleh pihak LHDN. Dalam konteks ini, perbezaannya adalah fungsi kegunaan tabung sama ada sumbangan yang digunakan iaitu sumbangan untuk kegunaan manuskrip, hadiah artifak dan lukisan (Subseksyen 44 (6A), sumbangan kemudahan perpustakaan (Subseksyen 44 (8), sumbangan dan manfaat kepada penyediaan tempat awam dan kegunaan kepada orang kurang upaya OKU (Subseksyen 44 (9), sumbangan untuk kos peralatan perubatan kepada mana-mana badan rawatan kesihatan (Subseksyen 44(10), sumbangan untuk hadiah kepada Balai Seni Lukis Negara atau Balai Seni Lukis Negeri (Subseksyen 44(11), sumbangan kepada manfaat untuk sukan atau badan sukan yang diluluskan (Subseksyen 44 (11B) dan sumbangan kepada manfaat untuk projek berkepentingan negara yang diluluskan (Subseksyen 44 (11C) (LHDN, 2024).

Pengecualian Cukai Bagi Sumbangan Wakaf

Pengecualian cukai bagi sumbangan wakaf di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967 ini adalah di bawah subseksyen 44 (11D). Tiga entiti yang boleh mendapat pengecualian ini iaitu pertama, Majlis Agama Islam Negeri (MAIN), kedua badan yang ditubuhkan oleh MAIN dan ketiga universiti awam yang ditubuhkan di bawah Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (Akta 30), Universiti Teknologi Mara 1976 (Akta 173) yang dibenarkan oleh MAIN untuk menerima

wakaf (LHDN, 2022). Pada tahun 2009, pihak Jabatan Wakaf Zakat Haji (JAWHAR) telah mengeluarkan buku panduan yang bertajuk '*Manual Pengurusan Wakaf Tunai*' sebagai panduan untuk menggalakkan lebih ramai masyarakat berwakaf dan dalam masa yang sama pihak MAIN disyorkan membuat permohonan kelulusan daripada pihak LHDN di bawah subseksyen 44 (6) dan pada ketika tersebut salah sebuah MAIN yang mendapat kelulusan di bawah subseksyen ini iaitu Majlis Agama Islam Pulau Pinang (JAWHAR 2009). Mengikut fungsi sebenar di bawah seksyen 44 (6), dana yang dikumpulkan hendaklah dibelanjakan mengikut objektif tabung yang ditubuhkan. Oleh kerana dana wakaf merupakan *ain* atau *mawquf* yang perlu dikekalkan maka perbelanjaan hanya boleh digunakan daripada hasil pokok tersebut. Selari dengan prinsip wakaf, melalui peranan pihak JAWHAR, MAIN dan LHDN akhirnya diwujudkan subseksyen 44 (11D). Kini pihak LHDN telah mengeluarkan satu standard untuk kelulusan sumbangan wakaf iaitu *Garis Panduan Permohonan Untuk Kelulusan Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri di Bawah Subseksyen 44 (11D) Akta Cukai Pendapatan Bagi Wakaf* (LHDN.01/35/42/51/179 (aa) (LHDN, 2024).

Perbezaan antara zakat dan wakaf bagi pengecualian cukai

Pengecualian cukai bagi zakat dikira sebagai *tax exemption* iaitu tolakan had cukai yang dikenakan, ia juga disebut *tax rebate*. Manakala wakaf pula dikira sebagai *tax reliefs* iaitu tolakkan ke atas pendapatan bercukai. Jumlah pendapatan bercukai *income tax* dan *corporate tax* adalah sebagaimana jadual di bawah:

Jadual 1: Jumlah Pendapatan Bercukai *Income Tax*

Bil	Jumlah pendapatan (RM)	Pengiraan	Kadar (%)	Cukai (RM)	Kategori
1	0-5,000	5,000 pertama	0	0	A
2	5,001-20,000	5,000 pertama 15,000 berikutnya	1	0 150	B
3	20,001- 35,000	20,000 pertama 15,000 berikutnya	3	150 450	C
4	35,001-50,000	35,000 pertama 15,000 berikutnya	6	600 900	D
5	50,001-70,000	50,000 pertama 20,000 berikutnya	11	1,500 2,200	E
6	70,001-100,000	70,000 pertama 30,000 berikutnya	19	3,700 5,700	F
7	100,001-400,000	70,000 pertama 30,000 berikutnya	25	9,400 75,000	G
8	400,001-600,000	400,000 pertama 200,000 berikutnya	26	84,400 52,000	H

9	600,001- 2,000,000	600,000 pertama 1,400,000 berikutnya	28	136,400 392,000	I
10	Melebihi 2,000,000	2,000,000 pertama setiap ringgit berikutnya	30	528,400	J

Sumber: Laman web rasmi LHDN, 2025

Jadual 1: Kadar Cukai Syarikat *Corporate Tax*

Tahun Taksiran	Modal Syarikat	Pendapatan Syarikat	Jumlah (RM)	Peratus (%)
			150,000 yang pertama	15
2023- 2024	Modal berbayar tidak melebihi RM 2.5 juta	Pendapatan kasar perniagaan tidak melebihi RM 50 juta	150,001 hingga 600,000	17
			600,001 dan seterusnya	24
	Syarikat selain kategori di atas			24
2020- 2022	Modal berbayar tidak melebihi RM 2.5 juta	Pendapatan kasar perniagaan tidak melebihi RM 50 juta	600,000 yang pertama	17
			Baki seterusnya	24
	Syarikat selain kategori di atas			24
2019	Modal berbayar tidak melebihi RM 2.5 juta	-	500,000 yang pertama	17
			Baki seterusnya	24
	Syarikat selain kategori di atas			24
2017- 2018	Modal berbayar tidak melebihi RM 2.5 juta	-	500,000 yang pertama	18
			Baki seterusnya	24
	Modal berbayar melebihi RM 2.5 juta			24
2016	Modal berbayar tidak melebihi RM 2.5 juta	-	500,000 yang pertama	19
			Baki seterusnya	24
	Modal berbayar melebihi RM 2.5 juta			24
			500,000 yang pertama	20

2009-2015	Modal berbayar - tidak melebihi RM 2.5 juta	Baki seterusnya	25
2008	Modal berbayar melebihi RM 2.5 juta	500,000 yang pertama	20
	Modal berbayar - tidak melebihi RM 2.5 juta	Baki seterusnya	26
2007	Modal berbayar melebihi RM 2.5 juta	500,000 yang pertama	20
	Modal berbayar - tidak melebihi RM 2.5 juta	Baki seterusnya	27
	Modal berbayar melebihi RM 2.5 juta		27

Sumber: Laman web rasmi LHDN, 2025

Berdasarkan jadual 1 dan jadual di atas, jumlah pendapatan bercukai dikira setelah menolak perkara asas yang ditetapkan. Bagi sumbangan wakaf, pendapatan bercukai individu iaitu tolakkannya tidak melebihi 10% daripada pendapatan agregat berdasarkan Borang BE (*e-filing*) sebagaimana rajah 1 di bawah:

Rajah 1: Borang BE (e-filing) bagi Individu

BORANG NYATA INDIVIDU	
PEMASTAUTIN YANG TIDAK MENJALANKAN PERNIAGAAN DI BAWAH SEKSYEN 77 AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967 Borang ini ditetapkan di bawah Seksyen 152 Akta Cukai Pendapatan 1967	
e-BE TAHUN TAKSIRAN 2024	BAKI CUKAI KENA DIBAYAR TAHUN TAKSIRAN 2024 : RM 5
DERMA / HADIAH / SUMBANGAN YANG DILULUSKAN	
Hadiah wang kepada Kerajaan / Kerajaan Negeri / pihak berkuasa tempatan	.00
Hadiah wang kepada institusi / organisasi / tabung yang diluluskan	.00
Hadiah wang bagi aktiviti sukan yang diluluskan oleh Menteri Kewangan	.00
Hadiah wang atau kos sumbangan barangan kepada projek berkepentingan negara yang diluluskan oleh Menteri Kewangan	.00
Hadiah wang dalam bentuk wakaf kepada pihak berkuasa agama / badan agama / universiti awam atau hadiah wang dalam bentuk endowmen kepada universiti awam	.00
JUMLAH	Terhad kepada 10% daripada pendapatan agregat .00

Rajah 1 di atas menunjukkan, kedudukan wakaf berada pada kategori pertama iaitu bersama dengan perkara berikut dalam halaman Borang BE (*e-filing*) berikutnya iaitu:-

- Hadiah wang kepada Kerajaan / Kerajaan Negeri / pihak berkuasa Negeri.
- Hadiah wang kepada institusi / organisasi / tabung yang diluluskan

- c. Hadiah wang bagi aktiviti sukan yang diluluskan oleh Menteri Kewangan
- d. Hadiah wang atau kos sumbangan barangan kepada projek berkepentingan negara yang diluluskan oleh Menteri Kewangan
- e. Hadiah wang dalam bentuk wakaf kepada pihak berkuasa agama / badan agama / universiti awam atau hadiah wang dalam bentuk endowmen kepada universiti awam. [Butiran (a) hingga (e) terhad kepada 10% daripada pendapatan agregat]
- f. Hadiah artifak / manuskrip / lukisan kepada Kerajaan atau Kerajaan negeri
- g. Hadiah wang untuk kemudahan perpustakaan atau kepada perpustakaan [Terhad RM 20,000]
- h. Hadiah wang atau sumbangan barangan bagi menyediakan kemudahan di tempat awam untuk manfaat orang yang kurang upaya
- i. Hadiah wang / kos / nilai hadiah peralatan perubatan kepada kemudahan jagaan kesihatan yang diluluskan oleh Kementerian Kesihatan [Terhad RM 20,000] dan;
- j. Hadiah lukisan kepada Balai Seni Lukis Negeri atau balai seni lukis negeri

Kategori kedua adalah perlepasan terhadap beberapa jenis mengikut had kadar yang ditentukan dan diringkaskan sebagaimana berikut:

- a. Perbelanjaan individu
- b. Perbelanjaan rawatan, keperluan khas dan penjaga untuk ibu bapa (Keadaan kesihatan disahkan oleh pengamal perubatan)
- c. Peralatan sokongan asas yang kurang upaya
- d. Yuran pengajian
- e. Perbelanjaan perubatan
- f. Bayaran yuran anak-anak bagi taman asuhan / tadika yang berdaftar
- g. Tanggungan isteri
- h. Tanggungan anak
- i. Insurans nyawa, KWSP, PERKESO

Pendapatan individu yang ditolak berdasarkan kategori pertama dan kedua, maka bakinya akan dikira sebagai 'pendapatan bercukai' sebagaimana perincian had kadar pada jadual 1 di atas. Sebagai contoh, pendapatan seseorang memperoleh pendapatan bercukai sebanyak RM 51,505.00, maka pengiraannya ialah dikenakan sebanyak RM 1,500 sebagai cukai pertama ke atas RM 50,000 dan cukai seterusnya ke atas RM 1,505 dengan kadar 11% iaitu sebanyak RM 165.55. Cukai pertama RM 1,500.00 ditambah cukai baki RM 165.55 menjadikan jumlah keseluruhan sebanyak RM 1,665.00. Kemudiannya, tolakkan bagi kategori ketiga ialah sebagai 'rebat cukai' yang terdiri daripada zakat / fitrah, levi perlepasan bagi perjalanan umrah dan bil perjalanan. Jika seseorang membayar zakat sebanyak RM 1,000.00 maka jumlah cukai yang perlu dibayar sebanyak RM 665.00.

PELAKSANAAN PENGECCUALIAN CUKAI BAGI SUMBANGAN WAKAF

Tabung wakaf yang berfungsi di bawah 44 (11D) mestilah mempunyai dasar peraturan tabung, ahli lembaga tabung, nombor akaun bank dan nombor fail cukai pendapatan di bawah TF/TA/C.

Peraturan Tabung Wakaf

Peraturan Tabung Wakaf merupakan dokumen penting yang dikira sebagai dasar penubuhan tabung setara dengan dokumen penubuhan sebuah entiti atau syarikat. Peraturan Tabung Wakaf tidak bersandarkan kepada dokumen Enakmen Wakaf atau Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Islam sebagaimana difahamkan oleh kebanyakan pihak main sebelum ini. Pihak LHDN menetapkan peraturan tabung wakaf adalah terdiri pengenalan, objektif, pengurusan, peranan jawatankuasa, pengurusan kewangan tabung, pengagihan hasil tabung, pemakluman awal, larangan dan pembubaran (LHDN, 2022)

Ahli Lembaga Tabung Wakaf

Ahli lembaga tabung bukan terdiri daripada Ahli Majlis MAIN. Justeru, ahli-ahli tersebut terdiri 50% ke atas yang melibatkan bukan kakitangan MAIN. Sebagai contoh, ahli jawatankuasa Tabung Wakaf Tunai MAIDAM yang terdiri daripada agensi luar iaitu Pengarah Yayasan Islam Terengganu (YIT), Setiausaha Lembaga Tabung Amanah Warisan Negeri Terengganu (LTAWNT), Pengarah Pejabat Wakaf dan Endowmen Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), Pengarah Pusat Islam Sultan Mahmud, Universiti Malaysia Terengganu (UMT) dan seorang Ahli Jawatankuasa Wakaf Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAWIP) (MAIDAM 2024).

No Fail Cukai Pendapatan TA/TF atau C.

Antara syarat penting bagi permohonan pengecualian di bawah subseksyen 44 (11D) ialah setiap Tabung Wakaf Tunai mestilah mempunyai nombor fail cukai sama ada jenis nombor TA, TF atau C. Secara asasnya, nombor pengenalan cukai (TIN) '*Tax Identification Number*' adalah bagi individu (SG) atau (OG) manakala syarikat pula ialah (C). Setiap jenis di atas mempunyai nombor fail cukai yang berbeza. Sebagai contoh nombor TF adalah untuk jenis pertubuhan, nombor C untuk syarikat, nombor SG dan OG untuk individu, nombor TC untuk amanah unit / harta tanah, nombor CS untuk koperasi dan nombor TA untuk badan amanah dan lain-lain lagi. Bagi nombor pendaftaran tabung wakaf, ia dikategorikan sebagai nombor TA dan nombor cukai pendapatan bagi tabung wakaf tunai MAIDAM iaitu TA 58328145010 (MAIDAM, 2024)

Syarat Kelulusan Tabung Wakaf

Kelulusan tabung wakaf hanya diberikan selama 5 tahun sahaja, walau bagaimana pun, pihak MAIN boleh memohon tempoh lanjutan sebelum tamat tempoh 6 bulan daripada kelulusan sedia ada. Antara syarat kelulusan tabung iaitu mestilah membuat pemakluman awal kepada Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri Malaysia (KPHDN) berkait:

- a. Sebelum pemilikan aset atau harta tambahan
- b. Sebelum pelupusan aset
- c. Sebelum sebarang pertukaran ahli jawatankuasa Tabung Wakaf
- d. Sebarang pindaan kepada surat ikatan wakaf / peraturan tabung (Tabung Wakaf)

- e. Kelulusan / kebenaran bertulis daripada Menteri Kewangan diperlukan terlebih dahulu jika menjalankan aktiviti di luar negara. Tabung Wakaf perlu menghantar salinan surat kelulusan daripada Kementerian Kewangan kepada LHDN.
- f. Semua aset menggunakan dana wakaf tunai perlu ditunjukkan secara bersaing dalam kunci kira-kira dan pendapatan dari aset perlu dilaporkan dalam penyata pendapatan.
- g. Satu penyata kewangan tahunan yang telah beraudit oleh Juruaudit Awam bertauliah hendaklah dihantar sebelum pada 30 April setiap tahun ke Jabatan Dasar Percukaian, LHDN Menara Hasil, Aras 17, Persiaran Rimba Permai, 63000 Cyberjaya, Selangor Darul Ehsan.

Kedudukan Resit Berkomputer

Berdasarkan peraturan yang ditetapkan, penggunaan resit mestilah dilaksanakan secara manual. Disebabkan resit yang digunakan oleh pihak MAIN secara berkomputer, maka pihak MAIN telah memohon sekali lagi secara berasingan. Sehubungan itu, antara syarat berkait penggunaan resit berkomputer iaitu:

- a. Pihak MAIN perlu menyediakan skop dan kategori pewakaf yang akan terlibat dengan pengeluaran resit berkomputer
- b. Menyediakan purata amaun wakaf mengikut kategori pewakaf yang terdiri individu, korporat dan badan-badan lain serta dibuat analisis bagi tahun tiga tahun sebelumnya.
- c. Pematuhan ciri-ciri keselamatan dan ketulenan penggunaan resit wakaf secara berkomputer
- d. Manual pengeluaran resit / tata kelola resit (jika ada)
- e. Kos operasi setiap pengeluaran resit berkomputer.

Berdasarkan syarat-syarat berkenaan, pihak MAIDAM telah melengkapkan semua perkara tersebut iaitu menjelaskan bawah definisi resit yang digunapakai adalah resit berkomputer dan bukannya digital. Tiga (3) kaedah bagi penggunaan resit ini. Pertama, terimaan sumbangan melalui kaunter, resit ini akan dijana dan dicetak secara fizikal melalui Sistem Pengurusan Kewangan Bersepadu (SPKB) di bawah Seksyen Kewangan MAIDAM. Kedua terimaan sumbangan melalui aplikasi mudah alih 'TULUS', penyata terimaan ini akan dicetak secara fizikal melalui sistem SPKB juga. Ketiga, Terimaan sumbangan melalui atas talian dengan kemudahan FBX, resit akan dijana melalui sistem atas talian 'Jom Wakaf MAIDAM' (<https://ewakaf,maidam.gov.my/jomwakaf>). Tahap keselamatan sistem ini melalui kawalan akses kepada pegawai yang melakukan resit dengan kod ID masing-masing. Ketulenan resit rasmi ini dapat dibuktikan dengan ciri-ciri kod QR yang disediakan pada resit tersebut dengan diimbas dan kemudiannya dipaparkan maklumat terperinci transaksi berkaitan. Akhirnya, pada 21 November 2024, pihak LHDN telah meluluskan penggunaan resit berkomputer bagi 'Tabung Wakaf Tunai MAIDAM' (Abd Fattah, 2025).

KESIMPULAN

Pengecualian cukai merupakan gabungan penting dengan instrumen wakaf tunai. Secara tidak langsung perkara ini akan memberi impak positif iaitu meningkatkan kutipan wakaf di peringkat MAIN, selain itu ia juga dapat memberikan galakkan kepada masyarakat atau syarikat bagi meraih insentif atau kelebihan yang disarankan oleh pihak kerajaan terhadap kedudukan pengecualian ini. Seterusnya, kajian ini juga menjelaskan bagaimana pihak MAIN khususnya MAIDAM melaksanakan proses pengecualian cukai ke atas sumbangan wakaf sehingga diluluskan oleh pihak LHDN. Akhirnya, perkara ini penting menjadi panduan kepada MAIN yang lain kerana gabungan antara instrumen wakaf dan cukai merupakan perkara baharu yang perlu diaplikasikan di seluruh negara.

RUJUKAN

- Azemi, A., Palil, M. R., Amir, A. M., & Said, S. M. (2019). Cukai Alam Sekitar: Pelaksanaan, Penjagaan Alam Sekitar dan Sistem Cukai yang Cekap. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences*, 2 (4), 1-15.
- Bhalla, N., Sharma, R. K. & Kaur, I. (2022). Effect of tax knowledge and technological shift in tax system on business performance: A PLS-SEM analysis, *Sustainability* 2022, 14, 10217
- Damajanti, A. and Karim, A. (2017) "Effect of tax knowledge on individual taxpayers compliance", *Economics and Business Solutions Journal*, 1(1), pp. 1–16.
- Garis Panduan Permohonan Untuk Kelulusan Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri di Bawah Subseksyen 44 (11D) Akta Cukai Pendapatan Bagi Wakaf (LHDN.01/35/42/51/179 (aa).
- Jabatan Wakaf, Zakat Dan Haji 'JAWHAR'. (2009). *Manual Pengurusan Wakaf Tunai*. Putrajaya: Percetakan Nasional Berhad, ed 1.
- Laman web rasmi Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN): <https://www.hasil.gov.my/individu/pengenalan-cukai-pendapatan-individu/apa-itu-cukai-pendapatan/>
- Laman Web Rasmi Kementerian Kewangan Malaysia: <https://www.mof.gov.my/portal/ms/berita/siaran-media/pencapaian-kutipan-cukai-langsung-bagi-tahun-2018>
- Noraini Idris. (2010). *Penyelidikan dalam Pendidikan* (Edisi 2). McGraw-Hill (Malaysia) Sdn.Bhd.
- Mustafa. K., & Azis, S. (2023). Asas pengetahuan cukai. *Buletin FPN S3*.
- Mohamad, M. R. (2025). Tahap Kesedaran Berwakaf Wang Tunai dalam Kalangan Penjawat Awam di Negeri Terengganu [Awareness Level of Cash Waqf Among Public Servants in Terengganu State]. *Malaysian Journal Of Islamic Studies (MJIS)*, 9(1), 41-61.
- Mohamad, M. R. (2025). Amalan dan Pelaksanaan Wakaf Tunai di Terengganu. *Journal of Contemporary Islamic Studies (JCIS)*, 11(1), 1-10.

- Mohamad, M. R., & Adnan, A. A. (2024). Pendanaan Wakaf Menerusi Wakaf Bertempoh (*Muaqqat*): Sorotan Kajian di Negeri Terengganu [Waqf Funding Through Durational Waqf (*Muaqqat*): Literature Review in State of Terengganu]. *International Journal of Islamic Products and Malay Civilization*, 3(1), 10-20.
- Othman Lebar. (2017). '*Penyelidikan Kualitatif Pengenalan Kepada Teori Dan Metode*'. Perak: Nur Niaga Sdn Bhd, ed 6.
- Surat Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM) [03-003/36 Bhg 5 (23)] bertarikh 22 Oktober 2024
- Tembual kakitangan MAIDAM, Abdul Fattah Bin Mamat Penolong Pegawai (Pembangunan Wakaf) di Pejabat MAIDAM pada November 2025.